

CNS9078

U PR 11-12 00178 BA923

AAB

Mahathir - Australia

TIADA TINDAKAN TERHADAP AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap Australia setelah mengambil kira reaksi dan perasaan rakyat kedua-dua negara dan kenyataan kesal Perdana Menteri negara itu, Paul Keating baru-baru ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, kerajaan berpendapat perkara itu telah mendatangkan kesedaran yang lebih di kalangan rakyat Australia terhadap sensitiviti rakyat Malaysia dan kesedaran ini boleh membantu mengelakkan peristiwa seperti ini daripada berulang.

"Kerajaan tidak berhasrat memanjangkan isu ini dan tidak akan mengambil apa-apa tindakan selanjutnya. Dengan itu perkara ini kini dianggap sudah selesai," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini oleh pejabatnya.

Kenyataan akhbar itu diedarkan oleh setiausaha akhbar kepada Perdana Menteri Encik Zakaria Wahab kepada pemberita yang membuat liputan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat UMNO di sini.

Dr Mahathir berkata kabinet mengambil perhatian terhadap reaksi rakyat Australia umumnya berhubung kenyataan Perdana Menteri mereka yang telah menjejaskan perhubungan antara kedua-dua negara. -- Lagi.

♥11/12/16-35MST

U PR 11-12 00141 BA924.

AAB

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Keating telah menyifatkan Dr Mahathir sebagai "keras kepala" kerana tidak menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, bulan lepas.

Dr Mahathir berkata Kabinet juga mengambil perhatian bahawa rakyat Malaysia pada keseluruhannya berasa tersinggung terhadap kenyataan Keating itu.

Beliau berkata sesudah mengambil kira reaksi dan perasaan rakyat Australia dan Malaysia serta rasa kesal yang dinyatakan oleh Keating, Kabinet mengambil keputusan tiada tindakan akan diambil terhadap Australia.

Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat Kabinet hari ini yang bermula pukul 9.15 pagi di Jabatan Perdana Menteri selepas beliau pulang dari Istana Negara kerana memberi taklimat agenda mesyuarat Kabinet kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

Mesyuarat Kabinet itu yang tamat pada tengah hari, juga dihadiri menteri yang baru dilantik, Haji Abdul Ghani Othman. -- Lagi.

♥11/12/16-40MST

Mahathir - Australia 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Berikut ialah kenyataan penuh Dr Mahathir:

"Kabinet hari ini mengambil perhatian di atas reaksi rakyat Australia umumnya berhubung dengan kenyataan Perdana Menteri mereka yang telah menjejaskan perhubungan di antara kedua-dua negara.

Kabinet juga mengambil perhatian bahawa rakyat Malaysia pada keseluruhannya berasa tersinggung di atas kenyataan Encik Paul Keating.

Sesudah mengambil kira reaksi dan perasaan kedua-dua rakyat Australia dan Malaysia, dan rasa kesal yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Australia, kerajaan berpendapat perkara ini telah mendatangkan kesedaran yang lebih di kalangan rakyat Australia terhadap sensitiviti rakyat Malaysia dan kesedaran ini boleh membantu mengelakkan peristiwa seperti ini berulang di masa depan.

Kerajaan tidak berhasrat memanjangkan isu ini dan tidak akan mengambil apa-apa tindakan selanjutnya.

Dengan itu, perkara ini kini dianggap sudah selesai." -- Bernama.

HK AZ.

▼11/12/16-43MST